

Kaji semula peran

U.M. - 4 SE P 1989

NAM - Mahathir

BELGRADE 3 Sept. — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata di sini hari ini bahawa tidaklah mudah untuk menjadikan Pergerakan Berkecuali (NAM) sebagai sebuah gerakan yang berorientasikan tindakan.

berita tips
Bagaimanapun, katanya, Malaysia berpendapat selepas 28 tahun kewujudannya, pergerakan ini mestilah mengkaji semula peranannya kerana dunia juga telah ber-

— Daripada —
Zainuddin Maidin

ubah menjadi tidak lagi banyak perbezaan antara Barat dan Timur.

Pergerakan ini sepatutnya lebih berorientasikan tindakan tetapi "perkara ini adalah lebih mudah untuk diperkatakan dari dilaksanakannya," katanya.

Tambahnya, ini berlaku di dalam forum yang kecil atau besar.

Beliau menegaskan bahawa Malaysia adalah memberikan penekanan terhadap kepentingan Pergerakan Berkecuali lebih dari

Pertubuhan Komanwel "kerana kita percaya banyak masalah bersama yang dapat di-suarakan dan juga bagi mengadakan barisan tindakan bersama jika perlu."

Datuk Sri Dr. Mahathir yang tiba di sini semalam untuk menghadiri sidang puncak Pergerakan Berkecuali bercakap kepada wartawan - wartawan Malaysia di Hotel Inter Continental di mana beliau tinggal selama menghadiri sidang itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengalu - alukan perlantikan Malaysia sebagai salah satu naib pengerusi persidangan kali ini "kerana ini akan membolehkan kita memberikan khidmat seperti yang kita berikan dalam bidang - bidang lain."

Beliau memberitahu di dalam ucapan kepada persidangan itu kelak pada hari Isnin ini, penekanan akan diberikan kepada masalah Afrika Selatan, Palestin, dadah dan juga hutang negara - negara miskin.

Katanya; "Kita juga memberikan perhatian berat terhadap adanya percubaan untuk memaksa penerimaan suatu konsep tentang hak kemanusiaan dan demokrasi sedangkan kebanyakan negara - negara di dunia masih berjuang untuk hak-hak yang asas bagi keperluan hidup dan untuk kestabilan.

"Ini adalah merupakan masalah besar yang dihadapi oleh negara - negara sedang membangun," tegasnya.

Beliau juga menyentuh tentang sikap negara - negara maju di dalam Kumpulan 7 yang condong membuat keputusan secara eksklusif yang memberi kesan buruk kepada dunia ketiga.